

# Kerajaan cadang wujud perundangan geospasial

25 JULAI 2017



*Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar*

KUALA LUMPUR – Kerajaan bercadang mewujudkan satu perundangan geospasial yang menyeluruh termasuk penyediaan data lengkap pemetaan utiliti bawah tanah di seluruh negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata kerja-kerja pemetaan utiliti bawah tanah adalah penting kerana akan memberi kesan kepada alam sekitar, pembangunan, keselamatan dan ekonomi negara.

“ Ia adalah antara pelan rangka besar kementerian yang mana kesemua data geospasial sedia ada akan dirangkumkan bersama maklumat utiliti bawah tanah. Dalam perundangan itu, kita akan letakkan syarat-syarat penggunaan dan pembatasan penggunaan data maklumat,” katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Wan Junaidi menjawab soalan tambahan Datuk Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) mengenai perancangan jangka panjang kementerian itu untuk mempercepatkan proses pemetaan utiliti bawah tanah negara untuk membantu kerajaan dalam pembangunan prasarana negara.

Menurut laman web Infrastruktur Data Geospasial Negara, maklumat geospasial merujuk kepada maklumat yang menerangkan lokasi dan nama ciri-ciri di bawah, pada atau di atas permukaan bumi.

Wan Junaidi berkata sehingga kini, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), yang bertanggungjawab melakukan pemetaan utiliti bawah tanah negara, telah melaksanakan verifikasi sepanjang 1052.4km dan menghasilkan 653 peta bagi kawasan Putrajaya, Cyberjaya dan sebahagian Shah Alam dan Kuala Lumpur.

Selain JUPEM, beliau berkata pemetaan utiliti turut disediakan penyedia utiliti lain termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan pihak yang terlibat dalam pembentungan air dan gas.

Bagaimanapun, Wan Junaidi berkata kerja-kerja pemetaan berdepan beberapa masalah termasuk kekangan tenaga kerja iaitu hanya 49 orang terlibat dalam bahagian pemetaan utiliti, selain data yang diperolehi daripada pembekal utiliti tidak menepati spesifikasi ditetapkan.

“Untuk jangka masa hadapan, kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan kementerian lain seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta pihak berkuasa tempatan selain berusaha menyediakan kepakaran sendiri dari JUPEM dan swasta,” katanya.

Beliau berkata kementeriannya menyasarkan lebih 150 pakar dalam pemetaan utiliti menjelang 2020. - Bernama